




JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SELANGOR.
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR.
TINGKAT 12-14 WISMA SUNWAYMAS.
JALAN TENKU AMPUAN ZABEDAH C9/C.
SEKSYEN 9, 40100 SHAH ALAM, SELANGOR
TEL.: 03-55214000 FAKS: 03-55194788



BILIK KAWALAN: 03-55197233
TALIAN ADUAN: 012-2241640
LAMARAN WEB: <http://www.doe.gov.my>
EMEL: selangor@doe.gov.my



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2008 NO. SJIL : AR 5141

Ruj. Tuan: (B) B 29/013/103/056
Ruj. Kami: Jld 2 (5)
Tarikh: 71 Disember 2015

"Pemuliharaan Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama"

Ketua Pegawai Eksekutif
Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (Penyelaras Projek)
Tingkat 5, Bangunan Darul Ehsan
No 3, Jalan Indah, Seksyen 14
40000 SHAH ALAM
(u.p. : En. Abdul Rahman Bin Ishak)

Tel : 03-5518 7735
Faks : 03-5518 7736

Pengarah Urusan
Solaris Setiajaya Sdn. Bhd. (Penggerak Projek)
Lot 1488, Batu 3 ½, Jalan Seremban
Kg. Kuala Lukut Kecil
71010 PORT DICKSON
(u.p.: En. Kelvin Cheok)

Tel : 012 156538
Faks : 06-651 3023

Tuan,

LAPORAN PRELIMINARY ENVIRONMENTAL IMPACT ASSESSMENT (EIA) – THE PROPOSED SAND MINING OPERATION ON LOT 1508 GRN 32367, IN THE MUKIM OF RAWANG, DISTRICT OF GOMBAK, SELANGOR DARUL EHSAN OLEH TETUAN KUMPULAN SEMESTA SDN. BHD. (PENYELARAS PROJEK) (PENGGERAK PROJEK : SOLARIS SETIAJAYA SDN. BHD.)

Saya adalah dengan hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor telah menerima Laporan EIA tersebut di atas yang telah disediakan oleh Jururunding EIA, SBA Consultants melalui surat tuan dengan rujukan KSSB/AL/PM/2015 – 47 (198) bertarikh 31 Mei 2015 yang diterima Jabatan ini pada 4 Jun 2015. Maklumat tambahan yang perlu dikemukakan susulan dari keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Sehenti yang telah diadakan di Jabatan ini pada 22 Jun 2015 juga telah diterima melalui surat Jururunding EIA dengan rujukan SBA-SSSB.*421/(14) bertarikh 14 Disember 2015 yang diterima oleh Jabatan ini pada 28 Disember 2015.

...3. Setelah mengkaji Laporan yang dikemukakan, Jabatan ini mendapati bahawa Laporan EIA tersebut mematuhi Seksyen 34A(2), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Dengan itu, sukacita dimaklumkan bahawa Laporan EIA ini diluluskan dengan syarat-syarat kelulusan seperti di LAMPIRAN.

4. Jabatan ini ingin menarik perhatian tuan berhubung perkara-perkara berikut yang perlu diberi perhatian oleh pihak tuan dalam pelaksanaan projek ini sekiranya projek ini diluluskan kelak :-

- 4.1 Aktiviti pengorekan pasir hanya boleh dijalankan oleh pihak pemaju projek iaitu Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. dengan operator yang dilantik iaitu Solaris Setiajaya Sdn. Bhd. di dalam kawasan seluas 17.237 hektar (42.594 ekar) seperti yang telah ditandakan di dalam *Figure 2-2: Location Plan Of The Project Site* muka surat 2-3 dalam Laporan EIA;
- 4.2 Cadangan projek akan memberi impak kepada kualiti dan paras air bawah tanah. Sehubungan dengan itu, pengawasan kualiti dan paras air bawah tanah (*ground water monitoring*) hendaklah dijalankan oleh pihak tuan setiap bulan di sepanjang operasi aktiviti pengorekan pasir tersebut dilaksanakan;
- 4.3 Pihak tuan perlu memastikan paras air Sungai Kuang sentiasa dikekalkan terutamanya semasa musim kering. Ini adalah kerana air Sungai Kuang akan digunakan dalam menentukan kestabilan air bawah tanah di tapak projek;
- 4.4 Pelaksanaan projek ini berpotensi menimbulkan masalah pelepasan sedimen dan kelodakan ke Sungai Selangor di mana terdapat takat pengambilan air di hilir tapak projek iaitu Takat Pengambilan Air Rantau Panjang. Sehubungan dengan itu, Pelan Kawalan Hakisan Tanah dan Sedimen dan pembinaan sistem saliran di tapak projek semasa fasa kerja tanah dan pembinaan dan lain-lain struktur *Best Management Practices (BMPs)* hendaklah dilaksanakan terlebih dahulu oleh pihak tuan sebelum sebarang kerja-kerja tanah dimulakan; dan
- 4.5 Pelaksanaan projek ini berpotensi menimbulkan aduan kacau ganggu bunyi bising dan pencemaran udara kepada penduduk berhampiran iaitu Taman Impian Indah di mana jalan keluar-masuk utama ke tapak projek adalah melalui jalan laterit sedia ada yang menghubungkan Bandar Kuang dengan kuari-kuari yang sedang beroperasi di atas Bukit Lagong. Sehubungan itu, langkah kawalan yang telah dikenalpasti hendaklah dilaksanakan dengan baik oleh pihak tuan bagi meminimalkan impak residu cadangan projek kepada penduduk sekitar.


5 Kelulusan Laporan EIA ini hanya sah diterima pakai dalam tempoh dua (2) tahun dari tarikh surat kelulusan ini dikeluarkan. Sekiranya projek ini tidak dilaksanakan dalam tempoh tersebut, kelulusan Laporan EIA dengan sendirinya terbatal.

6. Kerjasama dan sokongan pihak tuan dalam menjaga kualiti alam sekeliling bagi menjamin pembangunan mampan amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(SITI ZALEHA BINTI IBRAHIM, S.M.S)

Pengarah

Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor

b.p: Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling Malaysia

s.k:-

1. **Ketua Pengarah**
Jabatan Alam Sekitar
Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar
Aras 1-4, Podium 2 & 3, No. 25, Persiaran Perdana
62574 PUTRAJAYA
(u.p: Pengarah Bahagian Penilaian)
Tel :03-88712000
Faks :03-88891036
2. **Pentadbir Tanah dan Daerah**
Pejabat Daerah dan Tanah Gombak
Bangunan Sultan Sulaiman, Persiaran Pegawai
Bandar Baru Selayang
68100 BATU CAVES
Tel : 03-6126 1500
Faks : 03-6136 1073
3. **Pengarah**
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor
Tingkat 4, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40000 SHAH ALAM
Tel : 03-5519 2820
Faks : 03-5510 2658
4. **Yang DiPertua**
Majlis Perbandaran Selayang
Menara MPS, Persiaran 3
Bandar Baru Selayang
68100 BATU CAVES
(u.p: Jabatan Perancang)
Tel : 03-6126 5800
Faks : 03-6138 8933

5. Pengarah
Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri Selangor
Tingkat 15-18, Bangunan Darul Ehsan
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14
40646 SHAH ALAM
Tel : 03-5544 5485
Faks : 03-5511 3557
6. Pengarah
Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor
Tingkat 5, Podium Selatan
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40000 SHAH ALAM
Tel : 03-5519 2158
Faks : 03-5510 4494
7. Pengarah
Jabatan Mineral dan Geosains Selangor
Tingkat 6-7, Bangunan Darul Ehsan
No 3, Jalan Indah, Seksyen 14
40000 SHAH ALAM
Tel : 03-5510 1833
Faks : 03-5510 1918
8. Pengarah
Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor
Tingkat 1, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40000 SHAH ALAM
Tel : 03-5544 7687
Faks : 03-5519 6011
9. Pengarah
Lembaga Urus Air Selangor
Tingkat 12 & 13, Bangunan Darul Ehsan
No.3, Jalan Indah, Seksyen 14
40000 SHAH ALAM
Tel : 03-5511 1800
Faks : 03-5510 1800
10. Pengarah Urusan
SBA Consultants
5A, Medan Gopeng 3
Gunung Rapat
31350 IPOH
(u.p.: Ir. Dr. Selamat Bin Aliman)
Tel : 05-313 6035
Faks : 05-313 6037

TERHAD



Rujukan: B (B) 29/013/103/056 2015
PROPOSED SAND MINING OPERATION ON LOT 1508
GRN 32367, MUKIM DG RAWANG, DISTRICT OF
GOMBAK, SELANGOR DARUL EHSAN

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SELANGOR

LAMPIRAN

AKTA KUALITI ALAM SEKELILING, 1974

**PERINTAH KUALITI ALAM SEKELILING
(AKTIVITI YANG DITETAPKAN)
(PENILAIAN KESAN KEPADA ALAM SEKELILING) 1987**

**SYARAT-SYARAT KELULUSAN
LAPORAN PENILAIAN KESAN KEPADA ALAM SEKELILING (EIA)**

Bagi

**PROPOSED SAND MINING OPERATION ON LOT 1508 GRN 32367,
MUKIM OF RAWANG, DISTRICT OF GOMBAK
SELANGOR DARUL EHSAN**

Untuk dilaksanakan sepenuhnya oleh

**KUMPULAN SEMESTA SDN. BHD.
TINGKAT 5, BANGUNAN DARULEHSAN
NO. 3, JALAN INDAH, SEKSYEN 14
40000 SHAH ALAM
(OPERATOR PROJEK : SOLARIS SETIAJAYA SDN. BHD.)**

PEMATUHAN

1. Semua langkah pencegahan dan kawalan yang digariskan di dalam Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling EIA dan Maklumat Tambahan (yang mana selepas ini disebut sebagai Laporan EIA) yang telah disediakan oleh Jururunding EIA iaitu SBA Consultants hendaklah dipatuhi sepenuhnya:

- 1.1 Laporan EIA bertajuk "***Proposed Sand Mining Operation On Lot 1508 GRN 32367, Mukim Of Rawang, District Of Gombak, Selangor Darul Ehsan***" yang telah dikemukakan melalui surat rujukan KSSB/AL/PM/2014 – 27 (171) bertarikh 31 Mei 2015 dan diterima oleh Jabatan ini pada 4 Jun 2015; dan
- 1.2 Laporan EIA Tambahan bertajuk ***Preliminary Environmental Impact Assessment (EIA) - Maklumat Tambahan – Solaris Setiajaya Sdn. Bhd. : The Proposed Sand Mining Operation On Lot 1508 GRN 32367, Mukim Of Rawang, District Of Gombak, Selangor Darul Ehsan*** melalui surat dengan rujukan SBA-SSSB.*421/(14) bertarikh 14 Disember 2015 yang diterima oleh Jabatan ini pada 28 Disember 2015.

KONSEP PROJEK

2. Kelulusan Laporan EIA ini adalah terhadap kepada kerja-kerja pengorekan pasir di dalam kawasan seluas **17.237 hektar (42.594 ekar)** yang hanya boleh dijalankan oleh pemaju projek Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. dengan operator yang dilantik iaitu Solaris Setiajaya Sdn. Bhd. di atas Lot 1508, GRN 32367, Mukim Rawang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan.
3. Sebarang perubahan konsep kepada proses yang terlibat atau peningkatan kapasiti pengeluaran adalah tidak dibenarkan tanpa kelulusan Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling terlebih dahulu.
4. Pelan lokasi cadangan projek hendaklah sebagaimana yang dinyatakan di dalam *Figure 2-1 : Key Plan of the Mine Site* muka surat 2-2 dan *Figure 2-2 : Location Plan Of The Project Site* muka surat 2-3 dalam Laporan EIA.

OPERASI DAN KAEDAH PENGOREKAN

5. Kerja-kerja mengorek pasir hendaklah menggunakan kaedah-kaedah perlombongan yang sistematik seperti yang telah dicadangkan dalam Laporan EIA dengan rujukan KSSB/AL/PM/2014 – 27 (171) bertarikh 31 Mei 2015 dan Laporan EIA Tambahan dengan rujukan SBA-

SSSB.*421/(14) bertarikh 14 Disember 2015.

6. Tempoh operasi kerja-kerja pengorekan pasir adalah selama satu (1) tahun dan lima (5) bulan sahaja.
7. Kerja-kerja pengorekan dan perlombongan (*mining scheme*) hendaklah dirujuk dan diluluskan oleh Jabatan Mineral Dan Geosains. Sesalinan kelulusan berserta laporan tersebut hendaklah dikemukakan ke Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor untuk rekod Jabatan.
8. Pelaksanaan aktiviti pengorekan pasir hendaklah menggunakan ***Closed Circuit Water Re-circulation*** bagi menghalang sebarang pelepasan air cucian dari aktiviti pengorekan pasir daratan ke luar dari tapak projek.
9. Pekerja-pekerja yang mengendalikan jentera bagi aktiviti pengorekan pasir tersebut hendaklah berpengalaman serta diselia oleh penyelia yang bertauliah dan kompeten.

KAWALAN KERJA TANAH DAN PEMBINAAN

10. Pelan Kawalan Hakisan Tanah dan Sedimen (*Erosion and Sediment Control Plan, ESCP*) yang dinyatakan di dalam *Plan No. : SBA – SSSB.*421/04/2015 Conceptual Erosion And Sediment Control Plan (ESCP)* di Appendix 5 dalam Laporan EIA Tambahan hendaklah disediakan sebagaimana yang ditetapkan dalam *Guidelines for Erosion and Sediment Control in Malaysia, October 2010* yang diterbitkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.
11. Semua langkah kawalan hakisan tanah dan sedimen hendaklah dilaksanakan seperti di dalam Pelan ESCP yang telah disahkan oleh Jurutera Bertauliah (*Profesional Engineer*) dan diperakui (*endorsed*) oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). Dua salinan kelulusan berserta pelan tersebut hendaklah dikemukakan ke Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor untuk rekod Jabatan dalam tempoh dua (2) minggu selepas diperakui.

12. Kolam perangkap mendap (*tailing pond*), perangkap mendap dan sistem perparitan sementara bagi mengawal air larian permukaan hendaklah disediakan terlebih dahulu **sebelum** aktiviti kerja tanah dimulakan.
13. Kerja-kerja pengorekan yang dijalankan atau aktiviti yang melibatkan kerja-kerja mengubah aliran sungai dan anak-anak sungai adalah **tidak dibenarkan**.
14. **Penjadualan kerja-kerja pengorekan** yang dijalankan hendaklah diselaraskan dan dijalankan secara berperingkat untuk mengurangkan masalah kelodakan dan habuk.
15. Tanah-tanah berlebihan (*overburden*) hendaklah dikumpul dan dimampatkan di dalam kawasan projek dan jauh dari alurair.
16. Pembukaan tanah di kawasan aktiviti perlombongan ini hendaklah dilakukan hanya apabila aktiviti pengorekan hendak dijalankan sahaja.
17. Laluan kenderaan pengangkut bahan binaan hendaklah dirancang dengan baik bagi mengurangkan gangguan kepada kawasan perumahan dan jalan-jalan awam utama.

KAWALAN DAN PENGAWASAN KUALITI AIR

18. Sebarang pelepasan air larian permukaan (*surface runoff*) dari tapak projek ke luar sempadan tapak projek semasa kerja-kerja tanah dan pembinaan hendaklah dialirkan ke kolam perangkap mendap (*tailing pond*) dan **tidak boleh mengandungi** :
 - a. Kekeruhan melebihi 250 *Nephelometric Turbidity Unit (NTU)*; atau
 - b. Jumlah Pepejal Terampai, TSS melebihi 50 mg/L
19. Pengawasan kualiti air di takat akhir pelepasan kolam perangkap mendap bagi parameter Pepejal Terampai hendaklah dijalankan **setiap satu (1) bulan sekali** bermula dari kerja tanah dan di sepanjang operasi pengorekan pasir ini dilaksanakan. **Kolam perangkap mendap (*tailing pond*)** ini hendaklah **diselenggara** dengan baik supaya dapat berfungsi dengan berkesan.

20. Pengawasan paras air bawah tanah hendaklah dijalankan **setiap bulan** sepanjang operasi aktiviti pengorekan ini dilaksanakan bagi memantau paras air bawah tanah di kawasan berhampiran tapak projek. Analisis parameter-parameter tersebut hendaklah dibuat oleh makmal yang mendapat pengiktirafan "Skim Akreditasi Makmal Malaysia" dari Jabatan Standard Malaysia.
21. **Benteng** hendaklah dibina di sekeliling tangki simpanan bahan api cecair untuk mengawal sebarang tumpahan. Benteng ini hendaklah berupaya menampung sekurang-kurangnya 110 peratus isipadu keseluruhan simpanan di kawasan berkenaan. Kemudahan untuk mengepam bahanapi yang tumpah hendaklah disediakan dan aktiviti pencucian / basuhan tumpahan hendaklah dilakukan dengan sempurna agar impak ke atas kualiti air akibat dari tumpahan adalah dalam kadar yang minima.

KAWALAN DAN PENGAWASAN KUALITI UDARA

22. **Permukaan-permukaan jalan** terutamanya di kawasan laluan jentera pembinaan yang melalui kawasan kediaman hendaklah **dibasahkan** bagi mengelakkan masalah habuk di sepanjang masa kerja tanah dan operasi pengorekan pasir ini dilaksanakan.
23. Roda-roda jentera dan kenderaan kerja tanah hendaklah **dibersihkan** terlebih dahulu sebelum dibenarkan bergerak di atas jalan raya awam.
24. **Bahagian muatan** kenderaan pengangkut tanah dan pasir hendaklah **ditutup** sepenuhnya di sepanjang masa kerja tanah dan operasi pengorekan pasir ini dilaksanakan. Laluan lori-lori pengangkut ini hendaklah seboleh mungkin tidak melalui kawasan perumahan sediaada.
25. Pemasangan sebarang alat pembakaran bahan api termasuk janakuasa tunggu sedia hendaklah diberitahu secara bertulis kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor dalam bentuk sebagaimana yang dinyatakan dalam Peraturan 5(2), Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014, P.U (A) 151 tidak kurang daripada tiga puluh (30) hari sebelum kerja pembinaan bermula.

26. **Pembakaran terbuka** ke atas sisa-sisa tumbuhan dan bahan buangan binaan atau apa-apa buangan dari tapak projek adalah **tidak dibenarkan sama sekali**.
27. Pengawasan kualiti udara ambien bagi parameter zarahhan terampai bersaiz 10 mikrometer atau kurang (PM_{10}) dan zarahhan terampai bersaiz 2.5 mikrometer atau kurang ($PM_{2.5}$) hendaklah dijalankan dan mematuhi had kepekatan seperti di **Jadual 1 dan Jadual 2, Standard Baru Kualiti Udara Ambien (2013)** seperti berikut :

Jadual 1 : Had kepekatan parameter zarahhan terampai bersaiz 10 mikrometer atau kurang (PM_{10})

| MASA PURATA | UNIT | GARIS PANDUAN SEDIA ADA | IT - 1 (2015) | - 2 (2018) | STANDARD (2020) |
|-------------|--------------------------|-------------------------|---------------|------------|-----------------|
| 1 TAHUN | $\mu\text{g}/\text{m}^3$ | 50 | 50 | 45 | 40 |
| 24 JAM | $\mu\text{g}/\text{m}^3$ | 150 | 150 | 120 | 100 |

Jadual 2 : Had kepekatan parameter zarahhan terampai bersaiz 2.5 mikrometer atau kurang ($PM_{2.5}$)

| MASA PURATA | UNIT | GARIS PANDUAN SEDIA ADA | IT - 1 (2015) | - 2 (2018) | STANDARD (2020) |
|-------------|--------------------------|-------------------------|---------------|------------|-----------------|
| 1 TAHUN | $\mu\text{g}/\text{m}^3$ | 50 | 50 | 45 | 40 |
| 24 JAM | $\mu\text{g}/\text{m}^3$ | 150 | 150 | 120 | 100 |

* Nota : IT - Interim Target

Parameter, kekerapan dan lokasi percontohan hendaklah mendapat kelulusan Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor terlebih dahulu.

KAWALAN DAN PENGAWASAN BUNYI BISING

28. Bunyi bising hendaklah dikawal supaya tidak melebihi paras 60 dB(A) pada waktu siang (7.00 am – 10.00 pm) dan 50 dB(A) pada waktu malam (10.00 pm – 7.00 am) di sempadan kawasan projek semasa peringkat kerja tanah, pembinaan dan operasi, berpandukan kepada *Annex A Schedule of Permissible Sound Levels Schedule 1: Maximum Permissible Sound Level (LAeq) by Receiving Land Use for Planning and New Development* di dalam garis panduan *Planning Guidelines for Environmental Noise Limits and Control* terbitan Jabatan Alam Sekitar, 2004.
29. Pengukuran bunyi bising hendaklah dijalankan di sepanjang masa kerja tanah dan operasi pengorekan pasir ini dilaksanakan. Kekserapan dan lokasi percontohan hendaklah dirujuk dan mendapat persetujuan Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor.

PENGURUSAN SISA BUANGAN

30. Sistem pengurusan sisa pepejal (bukan buangan terjadual) yang baik hendaklah disediakan dan sisa pepejal hendaklah dilupuskan di tapak pelupusan sisa pepejal yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Pelupusan ke dalam mana-mana alur air tidak dibenarkan.
31. **Buangan terjadual** seperti sisa minyak terpakai dan lain-lain yang seumpamanya hendaklah dikendalikan mengikut kaedah-kaedah yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 P.U.(A) 139.

PELAN PENGURUSAN LALU LINTAS

32. **Pelan Pengurusan Lalu Lintas** (Traffic Management Plan) merangkumi lencongan-lencongan lalulintas hendaklah mendapat kelulusan pihak berkuasa berkenaan yang meluluskannya sebelum kerja-kerja pengorekan ini dimulakan.

KAWALAN KESELAMATAN DAN KECEMASAN

33. Pelan Tindakan Kecemasan (ERP) dalam dan luar tapak yang mengambilkira semua kemudahan hendaklah disediakan bagi menangani sebarang kejadian pencemaran ke kawasan sekeliling dan juga bagi menghadapi sebarang kemalangan dan kejadian di luar jangka. ERP ini hendaklah disediakan sepertimana yang diperuntukkan di dalam Peraturan-Peraturan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Kawalan Terhadap Bahaya Kemalangan Besar Dalam Perindustrian) 1996, Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan, 1994. Pelan tersebut hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor dan pihak-pihak yang terlibat serta dikemaskini dari masa ke semasa mengikut keperluan.
34. Operasi premis hendaklah diberhentikan **serta-merta** apabila berlaku sebarang kerosakan ke atas alat atau sistem kawalan pencemaran.
35. Latihan berkaitan keselamatan dan pengendalian peralatan operasi hendaklah dilaksanakan untuk semua pekerja. Jenis latihan dan jadual pelaksanaan latihan ini hendaklah dikemukakan ke Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor.
36. Etika kerja yang betul dan selamat perlu dipraktikkan sepanjang masa pekerja berada di dalam premis.

PELAN PENGURUSAN ALAM SEKITAR (ENVIRONMENTAL MANAGEMENT PLAN, EMP)

37. Pelan Pengurusan Alam Sekitar (*Environmental Management Plan, EMP*) yang menggariskan semua tindakan yang di ambil bagi mematuhi syarat-syarat kelulusan Laporan EIA dan langkah-langkah kawalan yang dicadangkan di dalam Laporan EIA hendaklah disediakan sebelum premis beroperasi. EMP ini hendaklah disediakan mengikut format di **LAMPIRAN A** dan dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor untuk kelulusan dan hendaklah dikaji semula dan diubahsuai dari semasa ke semasa mengikut keperluan.

AUDIT ALAM SEKELILING

38. Audit alam sekeliling terhadap projek sepertimana yang dikehendaki di bawah Seksyen 33A, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 hendaklah dilaksanakan berpandukan kepada *Environmental Audit Guidance Manual*, terbitan Jabatan Alam Sekitar oleh pihak ketiga iaitu Juruaudit yang berdaftar dengan Jabatan Alam Sekitar seperti berikut:-
- i. Di peringkat awal sebelum kerja tanah dan pembinaan bermula. Kriteria audit hendaklah merangkumi antara lainnyā dokumen-dokumen seperti *EMP*, *ESCP* dan kelulusan-kelulusan lain yang berkaitan, pemasangan langkah-langkah kawalan dan sebagainya, yang perlu dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor terlebih dahulu untuk kelulusan.
 - ii. Di peringkat kerja tanah dan pembinaan setiap empat (4) bulan sekali atau mengikut arahan Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor bermula dari tarikh mula sehingga selesai kerja tanah dan pembinaan. (Juruaudit hendaklah mempunyai sijil *CESSWI-Certified Erosion, Sediment and Storm Water Inspector* atau kelayakan yang setara).
39. Segala kos audit alam sekeliling yang dijalankan hendaklah ditanggung oleh pemaju projek.

LAPORAN

40. Laporan-laporan berikut hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor yang mengandungi:-
- (i) Laporan ringkasan maklumat kemajuan kerja-kerja tanah dan pengorekan pasir termasuklah laporan bergambar kemajuan kerja hendaklah dikemukakan dengan melengkapkan borang Borang EIA 1-08 seperti di LAMPIRAN B dalam tempoh 90 hari dari tarikh surat kelulusan Laporan EIA ini. Maklumat ini hendaklah dikemukakan setiap tiga (3) bulan sekali di sepanjang masa kerja tanah dan operasi pengorekan pasir ini dilaksanakan.

- (ii) Laporan pematuhan syarat-syarat kelulusan Laporan EIA ini yang menunjukkan bahawa semua syarat kelulusan dipatuhi dan langkah-langkah pencegahan dan kawalan dilaksanakan bagi semua aktiviti berkaitan seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 34A(7), Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 hendaklah dikemukakan dengan melengkapkan borang EIA 2-08 seperti format di **LAMPIRAN C**. Maklumat ini hendaklah dikemukakan **setiap 3 bulan sekali** di sepanjang masa kerja tanah dan operasi pengorekan pasir ini dilaksanakan.
41. Laporan analisis pengukuran *in-situ* bagi parameter kekeruhan (*turbidity*) di takat pelepasan akhir kolam perangkap mendap yang dicerap dalam tempoh tidak melebihi 30 minit selepas hujan, hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor setiap bulan di sepanjang masa kerja tanah dan operasi pengorekan pasir ini dilaksanakan.
42. Laporan-laporan pengawasan alam sekitar berikut yang mana analisis parameter-parameter bagi pengawasan alam sekitar hendaklah dijalankan oleh makmal yang mendapat pengiktirafan "Skim Akreditasi Makmal Malaysia" daripada Jabatan Standard Malaysia, hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor, seperti berikut:-
- (I) Disediakan di **sepanjang masa kerja tanah dan operasi pengorekan pasir ini dilaksanakan:-**
- a. Laporan pengawasan kualiti air di takat akhir pelepasan kolam perangkap mendap bagi parameter Jumlah Pepejal Terampai (*TSS*) **setiap satu (1) bulan sekali**;
 - b. Laporan pengawasan dan penilaian kualiti air di takat akhir pelepasan kolam perangkap mendap bagi parameter kekeruhan (*Turbidity*) **setiap satu (1) bulan sekali**;
 - c. Laporan pengawasan dan penilaian kualiti udara ambien **setiap satu (1) bulan sekali**; dan
 - d. Laporan pengawasan dan penilaian bunyi bising **setiap satu (1) bulan sekali**.

PELAN PENAMATAN

43. Sekiranya projek ini gagal disiapkan atau penamatan projek, maka pemulihan dari segi keselamatan awam dan alam sekitar (impak udara, impak air, tanah tercemar dan sebagainya) adalah menjadi tanggungjawab pemaju projek atau pihak yang bertanggungjawab.
44. Pemaju projek hendaklah mengemukakan pemberitahuan secara bertulis kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor dengan serta-merta sebaik sahaja pihak Pengurusan Pemaju Projek menetapkan untuk menamatkan projek ini sama ada di peringkat kerja tanah, pembinaan atau operasi yang mengandungi:-
- i. Tarikh penutupan/ penamatan projek; dan
 - ii. Komitmen daripada Pemaju Projek atau pihak yang bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pemulihan tapak projek dari segi keselamatan awam dan alam sekitar dan untuk mengemukakan dan melaksanakan Pelan Penutupan yang akan dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor sebelum projek tamat sepenuhnya.
45. Pelan Penutupan yang terperinci termasuklah kerja-kerja penstabilan tapak projek, kerja-kerja pemulihan tanah tercemar, pembukaan alat-alat serta jentera-jentera proses, kerja-kerja pembersihan tapak, pengawasan alam sekitar atau apa-apa jua langkah pemulihan yang bersesuaian hendaklah disediakan dan dikemukakan untuk kelulusan Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor sebelum projek tamat sepenuhnya.

PENTADBIRAN

46. Pegawai yang bertanggungjawab sepenuhnya ke atas perkara-perkara berkaitan pengurusan alam sekitar hendaklah diperuntukkan di dalam struktur organisasi.

47. Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor hendaklah dimaklumkan secara bertulis tarikh sebenar projek bermula (**bermula dari tarikh kerja tanah**) dan tarikh projek dijangka siap, **14 hari sebelum projek bermula dan tarikh sebenar projek siap**, tidak lewat daripada 14 hari selepas projek siap.
48. Pemaju / Pelaksana projek hendaklah **menjadikan syarat-syarat kelulusan Laporan EIA dan syor-syor perunding di dalam Laporan EIA yang dipersetujui oleh Jabatan Alam Sekitar sebagai sebahagian daripada perjanjian di dalam tender dan perjanjian kontrak kepada mana-mana kontraktor yang terlibat dengan pelaksanaan projek ini.**
49. Pemaju projek hendaklah memaklumkan secara bertulis kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor jika terdapat sebarang pertukaran hak milik atau pengurusan projek dalam tempoh 30 hari dari tarikh pertukaran hak milik atau pengurusan. Sebarang pertukaran hak milik atau pengurusan hendaklah memasukkan kehendak mematuhi syarat-syarat kelulusan Laporan EIA kepada pemilik baru dalam transaksi jual-beli atau pertukaran hak milik tersebut.
50. Nama Pengurus Projek, Kontraktor Utama, Jururunding dan Jurutera Setempat (*Resident Engineer*), serta dua (2) salinan pelan kerja tanah dan pelan pembinaan yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor sebelum kerja tanah dimulakan.
51. Pihak pemaju hendaklah mematuhi semua arahan dan syarat-syarat tambahan yang berkenaan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling atau wakilnya.
52. *Good house-keeping rules* hendaklah diamalkan bagi setiap peringkat aktiviti yang dijalankan pada setiap masa.
53. Pihak pemaju hendaklah mematuhi sepenuhnya semua peruntukan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawahnya pada setiap masa dan arahan yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar dari semasa ke semasa bagi mengawal pencemaran.

TERHAD

B (B) 29/013/103/056 2015
PROPOSED SAND MINING OPERATION ON LOT 1508
GRN 32367, MUKIM OO RAWANG, DISTRICT OF
OOBANK, BELANGOR DARUL EMSAN

54. Pemaju projek hendaklah mengesahkan persetujuan penerimaan dan pematuhan syarat-syarat tersebut di atas dalam tempoh **30 hari** dari tarikh surat kelulusan ini.
55. Kelulusan Laporan EIA ini hanya sah diterimapakai oleh pemaju projek dalam tempoh dua (2) tahun dari surat kelulusan ini dikeluarkan. Sekiranya projek ini tidak dilaksanakan dalam tempoh tersebut, kelulusan Laporan EIA ini dengan sendirinya terbatal.



(**SITI ZALEHA BINTI IBRAHIM, S.M.S**)

Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor

b.p.: Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling Malaysia

Tarikh : 31 Disember 2015